

TEKS UCAPAN

PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PAHANG

BENGKEL PEMATUHAN SYARAT LESEN KILANG KELAPA SAWIT NEGERI PAHANG TAHUN 2020

THE ZENITH HOTEL, KUANTAN

07 JULAI 2020

SALUTATION

Terima kasih saudari Pengacara Majlis;

Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Yang Berhormat Dato Sri' Haji Mohd Shakar Bin Haji Shamsudin
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar dan Perladangan
Negeri Pahang

Yang Berbahagia Puan Noor Shahniyati Binti Ahmad Shukri
Timbalan Pengarah (Operasi)
Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang

Yang Berbahagia Encik Muhammad Hisyam Bin Abdullah
Timbalan Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang

Yang Berbahagia Encik Mohd Holed Bin Tarmidi
Ketua Zon 1 Felda Global Ventures Palm Industries Sdn. Bhd.

Pegawai - Pegawai Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang

Pihak media

Seterusnya Tuan-Tuan/Puan-Puan Peserta bengkel pada hari ini;

PENDAHULUAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

1. Pertamanya marilah kita memanjatkan setinggi rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan rahmatNya dapatlah kita berkumpul bersama-sama di dalam **Bengkel Pematuhan Syarat Lesen Kilang Kelapa Sawit Negeri Pahang Tahun 2020** sempena Hari Alam Sekitar Sedunia.
2. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang sudi melapangkan masa untuk hadir ke bengkel ini. Seramai 92 peserta yang hadir ke bengkel ini. Ini jelas menunjukkan komitmen tuan-tuan dan puan-puan dalam menjayakan program ini.
3. Untuk makluman YB Dato' Sri Exco dan hadirin sekalian, program sebegini sering dilakukan bagi mencapai objektif untuk meningkatkan pemahaman dan pematuhan terhadap Syarat-Syarat Lesen dan semua peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

4. Kita semua sedia maklum, pihak Kerajaan telah menetapkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengebung penularan pandemik COVID-19 bermula pada 18 Mac 2020 dan sekarang kita sedang berada di dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). PKP sememangnya memberi nafas baru kepada alam sekitar dimana dalam tempoh pelaksanaan PKP ini, pencemaran dapat dikurangkan. Sungai Kim Kim di Pasir Gudang yang dahulu terkenal dengan isu pencemaran toksik dan dipenuhi tompokan minyak sehingga tiada hidupan di dalamnya, semakin pulih dan jernih. Di Sungai Klang juga, pencemaran semakin berkurangan apabila sampah dikeluarkan daripada sungai itu berkurangan sebanyak 43%. Berdasarkan Indeks Kualiti Air sewaktu PKP, berlaku peningkatan kualiti air di Sungai Balok daripada Kelas Ke-3 ke Kelas-2. Selain itu, menurut NASA, tahap Nitrogen Dioksida, bahan pencemar yang datang terutamanya dari pembakaran bahan api fosil, turun sebanyak 30%. Melihat kepada perubahan tersebut, sememangnya sektor industri menjadi salah satu penyumbang utama pencemaran kepada alam sekitar.

5. Kita telahpun mengharungi krisis COVID-19 hampir 3 bulan yang sememangnya menimbulkan pelbagai ujian dan cabaran kepada semua. Sektor sawit merupakan salah satu sektor yang telah dibenarkan beroperasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan. Lantaran dengan itu, bagi memastikan pematuhan berterusan dalam tempoh PKP tersebut, pihak kilang telah diarahkan untuk menghantar pelaporan ke Jabatan Alam Sekitar.

Di sini, ingin saya ucapkan Syabas, Tahniah dan Terima Kasih di atas komitmen tuan-tuan dan puan-puan dalam menghantar Laporan Kawalan Pencemaran oleh Industri semasa PKP.

Yang Berbahagia Tuan-tuan dan Puan-Puan sekalian,

6. Untuk makluman semua, Negeri Pahang masih kekal dengan jumlah Kilang Kelapa Sawit yang terbanyak di Semenanjung Malaysia iaitu sebanyak 71 buah. Sebanyak 53 buah Kilang Kelapa Sawit menggunakan kaedah pelupusan efluen melalui alur air manakala sebanyak 17 buah Kilang Kelapa Sawit menggunakan kaedah pelupusan efluen ke atas tanah dan terdapat 1 buah Kilang Kelapa Sawit menggunakan kaedah pelepasan efluen melalui pelepasan ke atas tanah dan alur air.
7. Untuk makluman semua, walaupun pandemik COVID-19 masih belum berakhir sepenuhnya, aktiviti penguatkuasaan tetap dijalankan dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Ini adalah bagi memastikan pematuhan berterusan oleh industri terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Yang Berbahagia Tuan-tuan dan Puan-Puan sekalian,

8. Berkaitan dengan pematuhan KKS Negeri Pahang bagi tempoh lesen 01 Julai 2019 sehingga 30 Jun 2020, sebanyak 372 pemeriksaan penguatkuasaan telah dijalankan, menunjukkan peningkatan sebanyak 10% berbanding jumlah pemeriksaan pada tahun sebelumnya. Pihak JAS sentiasa berusaha untuk meningkatkan pemeriksaan dan penguatkuasaan, sekaligus meningkatkan pematuhan kilang terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.
9. Seperti yang tuan puhan sedia maklum, amatlah penting untuk pihak KKS memastikan pelepasan efluen sentiasa mematuhi had yang dibenarkan oleh JAS. Pelepasan efluen yang melebihi had yang dibenarkan akan memberi kesan buruk kepada sumber air di Negeri Pahang. Ini juga adalah bagi mengelakkan berlakunya penutupan Loji Rawatan Air dan memberi kesan kepada rakyat Negeri Pahang. Sememangnya sumber air menjadi suatu kepentingan kepada kita semua, jadi saya berharap kita bersama-sama menjaga dan memelihara sumber air di Negara kita.
10. Tandang kosong (EFB) juga merupakan masalah utama bagi Kilang Kelapa Sawit di Negeri Pahang. Tandan kosong ini sebenarnya suatu benda yang boleh mendatangkan manfaat kepada semua pihak jika diuruskan dengan betul. Ianya boleh digunakan semula menjadi produk, baja organik, bahan bakar dan boleh dikomersialkan. Masalah yang dihadapi kini ialah lambakan tandan kosong yang tidak

diuruskan dengan baik, mencemarkan sungai dan kebarangkalian pembakaran terbuka untuk berlaku adalah tinggi terutamanya pada waktu kemarau.

11. Pihak kilang juga perlulah menjadi lebih agresif untuk mengambil tindakan dalam mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014. Peraturan ini telah diwartakan sejak 04 Jun 2014, dan telah diberikan *grace period* selama 5 tahun untuk mengambil langkah yang perlu untuk mematuhi kelegapan dan nilai batas yang ditetapkan di dalam Peraturan 12 dan 13 dalam Peraturan (Udara Bersih) 2014 ini. JAS juga telah mempertimbangkan permohonan untuk melanjutkan tempoh pelaksanaan dengan memberikan penangguhan lagi bagi tempoh 30 bulan. Batas kelegapan yang dibenarkan dalam peraturan udara bersih ini adalah tidak melebihi 20% kelegapan manakala had batas yang dibenarkan bagi pelepasan habuk adalah tidak melebihi 150 mg/m³. Ingin saya tekankan bahawa lesen pelanggaran bagi udara bersih ini hanya melibatkan pelepasan habuk sahaja dan bukanlah pelepasan kelegapan. Justeru itu, saya berharap semua kilang kelapa sawit di Negeri Pahang dapat mematuhi semua peruntukan di bawah Peraturan ini dalam tempoh yang telah diberikan.

12. Ingin juga saya tegaskan bahawa JAS selaku agensi penguatkuasa tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang gagal mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana Kilang Kelapa Sawit yang mencemarkan alam sekitar terutamanya pencemaran terhadap sumber air Negeri Pahang. JAS tidak akan teragak-agak untuk menggantung lesen Kilang Kelapa Sawit sekiranya terdapat Kilang Kelapa Sawit yang bertegas dan berterusan melanggar perundangan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Yang Berbahagia Tuan-tuan dan Puan-Puan sekalian,

13. Bengkel ini juga dianjurkan sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia yang disambut setiap 05 Jun di seluruh negara. Membawa tema "Waktunya untuk Alam" menuntut langkah tindakan berasaskan biodiversiti yang perlu diambil berat oleh semua lapisan masyarakat dengan menyasarkan objektif mengharmonikan hubungan manusia dengan ekosistem yang wujud di alam ini.

14. Dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar, Jabatan Alam Sekitar akan terus memperkasakan pematuhan dan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Usaha ini turut memerlukan komitmen, gandingan dan sinergi melalui kerjasama pelbagai pihak terutamanya daripada sektor industri. Saya berharap semua Kilang Kelapa Sawit di Negeri Pahang dapat sama-sama membantu dan memastikan pematuhan perundangan yang tinggi

secara tidak langsung membantu mengurangkan beban pencemaran kepada alam sekeliling.

PENUTUP

15. Akhir kata besarlah harapan saya supaya objektif penganjuran bengkel ini juga dapat dicapai. Semoga dengan komitmen dan kesepakatan yang terjalin di antara semua pihak ini akan dapat mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan alam sekitar yang telah diamanahkan kepada kita semua.

16. Sekali lagi saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah di atas kerjasama semua pihak di dalam menjayakan program ini.

Sekian, terima kasih.

Wabilahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullah
Hiwabarakatuh.